

UCAPAN OLEH

YANG AMAT ARIF KETUA HAKIM

DATO SERI PADUKA STEVEN CHONG

PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG 2024

KHAMIS, 1 FEBRUARI 2024

TERJEMAHAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Peguam Negara,

Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie,

Yang Di-Pertua Persatuan Undang-Undang,

Ahli-Ahli Badan Peguam,

Tetamu yang dihormati,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

I. PENGENALAN

1. Bagi pihak Kehakiman, sukacita saya mengalu-alukan awda semua ke Majlis Pembukaan Tahun Undang-Undang 2024. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana meluangkan masa untuk menyertai acara pada pagi ini dan saya amat berbesar hati menerima tetamu dari Malaysia dan Singapura yang hadir bersama kita pada hari ini. Pada penghujung tahun 2023, kita menyaksikan dunia yang pesat berubah dan tiada dapat dijangka, daripada kemajuan teknologi kepada konflik antarabangsa. Berlatarbelakang dari ini, saya ingin menekankan

TERJEMAHAN

akan kepentingan sistem keadilan yang berfungsi dengan sempurna untuk masyarakat, bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi tetapi juga untuk masyarakat secara keseluruhannya. Sistem keadilan yang berfungsi dengan baik adalah sistem yang membantu individu dan keluarga untuk terus beredar dan membina masa depan yang positif, ianya termasuk sistem keadilan jenayah yang menghalang orang daripada melakukan jenayah dan merupakan sistem yang boleh membantu perniagaan bergerak ke hadapan dan berfungsi dengan lebih stabil serta pasti dalam menangani pertikaian mereka.

2. Tugas-tugas Mahkamah ialah menyokong asas kehidupan seharian di dalam masyarakat kita, walaupun terdapat cabaran dan tuntutan ketara yang dihadapi dalam melaksanakan tugas ini, saya dengan penuh kepercayaan bahawa aset terbesar Kehakiman ialah pegawai dan kakitangan Kehakiman. Orang-orang inilah yang menjalankan kerja mahkamah dan berdedikasi serta tidak kenal lelah dalam usaha mereka untuk berkhidmat kepada orang ramai bagi memenuhi keperluan masyarakat. Walaubagaimanapun, adalah mustahak untuk kita menyedari bahawa kita tidak bekerja bersendirian dalam menjaga masyarakat kita. Pengamal undang-undang swasta, peguam-peguam kerajaan, dan agensi-agensi penguatkuasaan adalah semuanya merupakan sebahagian daripada gambaran besar dari sistem kehakiman kita. Kita semua mempunyai tanggungjawab bersama untuk menegakkan kedaulatan undang-undang dan dalam semangat ini, masyarakat undang-undang berkumpul disini pada hari ini.
3. Sebelum saya menyampaikan perkembangan utama Mahkamah sepanjang tahun 2023, saya ingin mengetengahkan beberapa tambahan dan perubahan dalam keanggotaan Kehakiman dan keahlian di dalam majlis persatuan undang-undang Brunei Darussalam.
4. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan pelantikan Yang Arif Sir Peter Gross sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar bagi Mahkamah Rayuan pada

TERJEMAHAN

Oktober 2023. Sir Peter Gross adalah seorang hakim komersial antarabangsa yang terkemuka dengan kerjaya undang-undang merangkumi lebih dari 40 tahun. Beliau membawa pengalaman yang luas dan dengan pelantikannya Yang Arif akan memperkukuhkan keupayaan Kehakiman.

Saya seterusnya mengucapkan tahniah kepada lima pegawai Kehakiman yang telah dilantik pada tahun 2023. Saya ingin mengalu-alukan pelantikan mereka ke Kehakiman dan peranan mereka sebagai majistret dan pendaftar. Dengan pelantikan-pelantikan yang baharu ini saya berasa optimistik dan yakin yang mereka akan dapat membantu dalam mempercepatkan pelupusan kes jenayah dan kes sivil serta sedikit sebanyak dapat mengurangkan tunggakan kes, disamping memastikan piawaian dan kualiti keadilan dikekalkan.

5. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada lima pegawai Kehakiman kanan di atas pelantikan mereka sebagai Hakim Peguam di Mahkamah Tentera. Saya berharap dengan pelantikan tambahan ini akan meluaskan lagi dan pelbagaikan pengalaman dan kemahiran pegawai-pegawai Kehakiman.
6. Seterusnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Arif Hakim Michael Peter Burrell diatas penamatan tempoh beliau sebagai Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan. Saya amat berbesar hati diatas sumbangan Yang Arif kepada Mahkamah Rayuan semasa pelantikan beliau sebagai Yang Di-Pertua Mahkamah Rayuan. Saya mengalu-alukan pelanjutan perkhidmatan beliau sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar di Mahkamah Rayuan.

Dikesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Kannan Ramesh yang telah menamatkan tempoh beliau sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar di Mahkamah Tinggi pada bulan Oktober 2023. Perkhidmatan Pesuruhjaya Kehakiman Kannan Ramesh sepanjang empat tahun yang lalu merupakan satu kehormatan dan kami berbesar hati atas sumbangan yang tidak ternilai kepada Kehakiman. Tempoh perkhidmatannya telah berjaya meninggalkan kesan yang tidak dapat dilupakan

TERJEMAHAN

bagi kami dan telah melakar satu taraf tinggi untuk hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman kita untuk diikuti.

7. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Kehakiman Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang menamatkan perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Besar. Saya amat bersyukur di atas sumbangan-sumbangannya dan perkhidmatan yang cemerlang yang disampaikan dalam kapasiti beliau sebagai Ketua Pendaftar. Kepimpinan beliau memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pembaharuan-pembaharuan utama dalam Kehakiman dan saya amat bersukacita mengalu-alukan pelanjutan perkhidmatan beliau dengan Kehakiman sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar di Mahkamah Tinggi.

8. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Nur Azizah binti Dato Seri Paduka Hj Ahmad dan Tuan On Hung Zheng atas pemilihan mereka sebagai Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Undang-undang. Saya berharap untuk bekerja bersama awda untuk memperkukuh hubungan diantara Anggota Kehakiman dengan Persatuan Undang-undang Brunei Darussalam dan saya ingin mengucapkan salam sejahtera kepada mereka dan mengharapkan yang terbaik kepada mereka dan Persatuan Undang-undang.

II. TAHUN LALU

9. Sekarang saya akan menghuraikan kemajuan kami pada tahun lalu dengan memulakan secara ringkas mengenai statistik mahkamah kami.

Statistik

TERJEMAHAN

10. Mahkamah Majistret berfungsi sebagai mahkamah pertama dalam kes jenayah dan kes sivil yang di dalam bidang kuasanya dan ianya merupakan titik permulaan utama bagi kebanyakan prosiding di negara ini. Dalam mengukur prestasinya, kita dapat menilai kecekapan mahkamah tersebut dari pelupusan kes-kes di semua ke empat-empat daerah. Saya sukacita melaporkan bahawa bagi tempoh 12 bulan yang berakhir pada Disember 2023, kadar pelupusan kes-kes jenayah di mahkamah Majistret adalah didalam kadar 80% manakala pelupusan kes-kes sivil adalah dikadar 83%. Ianya adalah peningkatan daripada kadar tahun sebelumnya yang mana masing-masing adalah dikadar 77% dan 63%. Dari segi masa yang diambil untuk penyampaian penghakiman di Mahkamah Majistret, data-data menunjukkan bahawa penyampaian penghakiman bagi kes-kes jenayah adalah di kadar 91.8% manakala bagi kes-kes sivil adalah 80% telah disampaikan diantara 1 hingga 3 bulan selepas penutupan penyerahan.

11. Jumlah kes sivil dan komersial yang difailkan di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret terus menunjukkan trend menaik sejak tahun 2022 selepas wabak COVID-19. Begitu juga, jumlah perintah penerimaan dan perintah penghakiman yang difailkan terus meningkat dengan jumlah 316 perintah penerimaan dan 129 perintah penghakiman difailkan pada tahun 2023. Saya juga sukacita melaporkan bahawa pada tahun 2023, pembayaran komposisi dan dividen telah diisytiharkan dalam 545 kes yang berjumlah \$18,405,340.58. Mulai Januari 2024, sukacita saya memaklumkan bahawa Pejabat Penerima Rasmi akan melaksanakan sepenuhnya pembayaran komposisi dan dividen melalui transaksi dalam talian. Pejabat Penerima Rasmi juga telah menyediakan beberapa bahan rujukan untuk orang ramai mengenai proses dan prosedur kebangkrapan dan video mengenai langkah-langkah peringkat kebangkrapan di dalam laman sesawang Kehakiman.

12. Pejabat Pendaftaran Waris melalui tahun yang sibuk dan produktif dengan peningkatan ketara dalam jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan.

TERJEMAHAN

Saya sukacita melaporkan bahawa pada tahun 2023, sebanyak 737 permohonan diterima untuk Surat Kuasa Mentadbir dengan 780 permohonan telah diluluskan, berbanding dengan tahun sebelumnya di mana 621 permohonan diterima untuk Surat Kuasa Mentadbir dengan 375 permohonan diluluskan.

13. Pada tahun 2023, kami melihat jumlah permohonan Pendaftaran Perkahwinan dan Petisyen Perceraian sivil telah menurun. Begitu juga dengan jumlah kes jenayah (tidak termasuk kes lalu lintas) yang difailkan di Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan yang menunjukkan penurunan dari 454 kes pada tahun 2022 kepada 361 kes yang difailkan pada tahun 2023. Sebaliknya, ada peningkatan dalam jumlah kes jenayah (tidak termasuk kes lalu lintas) yang difailkan Mahkamah Majistret Daerah Tutong dan Daerah Kuala Belait.
14. Statistik juga menunjukkan bahawa Perbicaraan dalam talian terus menjadi ciri mahkamah di mana pada tahun 2023, sebanyak 1,065 prosiding telah dijalankan dalam talian di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perantaraan dan Mahkamah Majistret. Kehakiman terus menggalakkan dan menyokong penggunaan perbicaraan dalam talian untuk meningkatkan akses kepada keadilan dan kemajuan kes-kes dengan lebih efisien dan berkesan.

Penglibatan Antarabangsa

15. Sepanjang tahun lalu, kami terus melaksanakan kerjasama antarabangsa kami menerusi pelbagai inisiatif dan perjanjian dengan mahkamah asing. Pada Februari 2023, Saya mengadakan perjumpaan dengan The Lord Chief Justice of England and Wales, Yang Amat Arif Lord Burnett of Maldon dan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, Lord Reed of Allermuir. Mesyuarat tersebut diadakan dengan hakim-hakim kanan Kehakiman England dan Wales dan lawatan juga telah dilakukan ke Royal Courts of Justice, Mahkamah Besar United Kingdom, Badan Kehakiman Privy Council dan Mahkamah Jenayah Pusat England dan Wales.

TERJEMAHAN

16. Saya sukacita melaporkan bahawa perbincangan yang produktif telah dibuat di beberapa bidang termasuk kerjasama kehakiman dalam pendidikan dan latihan kehakiman berterusan, amalan terbaik dalam penyelesaian pertikaian komersial, perkembangan dalam proses penyelesaian 'insolvency' dan modaliti pendengaran rayuan kini dijalankan dalam talian dihadapan Privy Council. Rayuan dihadapan 'Privy Council' masih boleh di pendengaran di dalam kes-kes sivil dengan syarat yang mana kedua-dua pihak bersetuju sebelumnya.

17. Hubungan kerjasama kami dengan Kehakiman England dan Wales berterusan pada bulan September 2023 melalui lawatan oleh Yang Arif the Master of the Rolls dan Ketua Keadilan Sivil England dan Wales, Sir Geoffrey Vos. Beliau menyampaikan ceramah kepada komuniti undang-undang mengenai 'Teknologi dan Akses kepada Keadilan: Revolusi England dan Wales' di dalam penyelesaian pertikaian dan Penubuhan Sistem Digital Keadilan' dan 'Transformasi Kerjaya Undang-Undang melalui Kecerdasan Buatan Generatif (AI): Implikasi bagi Penyampaian Perkhidmatan Undang-Undang dan Penyelesaian Pertikaian, termasuk Mahkamah.'

18. Pada bulan Mei 2023, kita telah memformalisasikan kerjasama kehakiman melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dengan Jabatan Kehakiman Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China (Hong Kong SAR) untuk mengesahkan perhubungan, kolaborasi dan kerjasama dalam isu-isu yang berhubung dengan pengelakkan dan penyelesaian pertikaian. Penandatanganan Memorandum ini merupakan mercu tanda sejarah hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Hong Kong SAR, di mana Hong Kong SAR adalah sebahagian dari warisan undang-undang turun temurun Negara Brunei Darussalam sejak lebih dari 60 tahun yang lalu. Satu perbincangan telah diadakan bersama Tuan Paul Lam, SC, Setiausaha Kehakiman Jabatan Kehakiman dan Ketua Hakim Andrew Cheung, Ketua Hakim Mahkamah Rayuan didalam bidang

TERJEMAHAN

pentadbiran kes, latihan kehakiman, penggunaan pengantaraan, arbitrase dan kemajuan pada penggunaan teknologi dalam mahkamah.

19. Pada bulan Julai 2023, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani dengan Mahkamah Besar Singapura bagi meletakkan rangkakerja institusi untuk kesinambungan serta mengukuhkan kerjasama diantara kedua-dua Kehakiman. Justeru itu, Negara Brunei Darussalam dan Singapura akan mengadakan perundingan tahunan untuk melaksanakan MoU tersebut. Satu kumpulan kerja telah dibentuk yang terdiri daripada hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman dari kedua-dua negara dan akan bermesyuarat dengan saya dan Ketua Hakim Sundaresh Menon, mengenai program-program kerjasama kehakiman, yang akan dikembangkan melalui penyampaian yang kukuh dan ruang yang difikirkan boleh ditonjolkan untuk kerjasama.

20. Pada bulan Julai 2023, saya juga membuat kunjungan hormat kepada Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Malaysia untuk perbincangan kerjasama dua hala dan telah membuat lawatan pertama saya ke Istana Kehakiman di Putrajaya, Malaysia. Saya dan rombongan delegasi telah mengadakan mesyuarat dengan ahli-ahli Kehakiman Malaysia. Dalam mesyuarat yang membina tersebut, bidang-bidang berkepentingan telah dibincangkan bersama termasuk penggunaan teknologi dalam mahkamah, transkripsi percakapan dan penggunaan perantaraan dalam mahkamah. Kita berharap lawatan dan perbincangan dengan rakan sejawat dari Malaysia itu akan mengukuhkan hubungan dua hala di masa yang mendatang.

21. Kita juga terus untuk giat terlibat dengan rakan ASEAN dan telah menghadiri 'Joint Judicial Conference' kali ke-7 antara Kehakiman Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura serta menghadiri perasmian Retreat Majlis Ketua Hakim ASEAN (CACJ). Kedua-dua forum itu menjadi landasan berharga untuk

TERJEMAHAN

meneruskan persahabatan yang telah lama terjalin di kalangan rakan serantau ini dan kita komited untuk mengukuhkan kerjasama kehakiman sedemikian.

II. MELIHAT KEHADAPAN

Profesi Undang-Undang

22. Tentang profesi undang-undang, saya berhasrat untuk menyebut kesukaran yang kita hadapi dalam mendapatkan pengamal undang-undang untuk mengambil tugas bantuan guaman bagi kes-kes jenayah besar. Alasan untuk penolakan yang diberikan oleh penasihat undang-undang termasuk yuran terlalu rendah dan komitmen terhadap tugas yang sudah sedia ada. Walaupun Kehakiman menyedari berbagai cabaran yang dihadapi oleh penasihat undang-undang, saya menekankan perlunya ada perubahan minda terhadap perkhidmatan ini. Ini merupakan tugas yang sangat penting dan amat berbaloi apabila memberi bantuan guaman sebagai pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, dan tugas bantuan guaman untuk kes-kes besar jenayah juga mendukung keutamaan Kehakiman untuk memastikan akses pada keadilan bagi membantu defendan yang tidak berkemampuan untuk diwakili oleh peguam. Berikutan ini, saya mencadangkan Pejabat Ketua Pendaftar, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang bagi membentuk satu jawatankuasa untuk mengenalkan satu skim Perkembangan Profesional Lanjutan Mandatori (CPD) di mana tugas-tugas memberi bantuan guaman boleh dikira ke arah nilai untuk CPD. Ada perlunya untuk menginsentifkan program-program bantuan guaman dan sementara menjalankannya, kita juga boleh menggalakkan pengamal perundangan untuk mencapai nilai kecekapan bagi tahap yang berbeza dalam amalan undang-undang mereka demi mengekalkan taraf tinggi profesional mereka.

Akta Profesi Undang-Undang

TERJEMAHAN

23. Sementara dalam topik tahap keprofesionalan, saya menekankan perlunya mengadakan tadbir aturan berhubung dengan yuran dan tugas profesional untuk memberi maklumat kepada pelanggan tentangnya. Peguam berkewajipan untuk memudahcara akses pada keadilan dan mengenakan caj pelanggan secara adil pada pelanggan untuk tugas yang disampaikan dan merupakan tugas peguam untuk memberi maklumat yang lengkap pada pelanggan seperti berikut:

- a. Dasar yuran dikenakan dan cara yuran akan dibayar oleh pelanggan;
- b. Memaklumkan pelanggan tentang apa jua caj yang boleh dijangka munasabah;
- c. Memberitahu pelanggan anggaran yuran;
- d. Memastikan yuran sebenar tidak berbeza dengan munasabah daripada anggaran melainkan pelanggan dimaklumkan tentang perubahan keadaan yang diluar jangkauan; dan
- e. Memaklumkan pelanggan tentang hak memohon semakan yuran melalui pencukaian bil kos.

24. Untuk menangani perkara ini, saya mencadangkan kepada Pejabat Ketua Pendaftar untuk mempengerusikan satu jawatankuasa yang terdiri dari ahli-ahli dari Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang untuk melihat pada penggubalan peraturan tentang perkhidmatan profesional yang lengkap demi untuk menetapkan piawaian pemedulian pelanggan. Matlamat akhir, ini bertujuan untuk melindungi orang awam dengan memastikan peguam bersikap telus pada pelanggan tentang kemungkinan jumlah yuran dan dengan menerangkan yuran dengan cara yang difahami oleh pelanggan mereka.

Penggunaan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)

TERJEMAHAN

25. Sekarang saya ingin membincangkan mengenai penggunaan Kecerdasan Buatan Generatif (AI) dan impak penggunaan AI pada profesi undang-undang. Ini sebagai tindakbalas pada peningkatan penerapan dan penggunaan AI seperti ChatGPT dan kemampuannya untuk menghasilkan perisian sebagai tindakbalas terus pada keperluan pengguna dengan pantas. Saya menggalakkan Pejabat Ketua Pendaftar, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-Undang untuk bekerjasama mengkaji dan menimbangkan isu-isu dan perkara tentang penggunaan AI yang mana berpotensi mengubah bagaimana profesi undang-undang bekerja, terutama dalam bidang seperti semakan kontrak, penyelidikan undang-undang dan penggubalan dokumen undang-undang. Perlu juga untuk memastikan bahawa AI digunakan secara bertanggungjawab dan beretika agar piawai profesional perundangan yang amanah dan berintegriti dapat ditegakkan.

Prinsip Asas

26. Dalam kes rayuan jenayah baru-baru ini, responden telah membuat permohonan ke Mahkamah Rayuan untuk perbicaraan didengarkan secara tertutup (in camera). Mahkamah Rayuan telah menolak permohonan tersebut tetapi memerintahkan agar tiada penerbitan nama mangsa atau apa jua keterangan yang boleh mendedahkan identiti mangsa.

Hakim-hakim dan Pegawai-Pegawai Kehakiman mempertahankan kedaulatan undang-undang dan mentadbir keadilan sivil dan jenayah berdasarkan pada undang-undang. Dalam menjalankan perkara demikian, hakim dan pegawai kehakiman harus ingat tentang beberapa prinsip asas seperti kebebasan kehakiman, kesaksamaan, keadilan, ketelusan dan kecekapan.

TERJEMAHAN

Orang ramai boleh menghadiri perbicaraan mahkamah terbuka berdasarkan dari prinsip keadilan terbuka. Hakim dan Pegawai Kehakiman duduk di mahkamah terbuka memberi sebab keputusan mereka dan tertakluk pada penelitian mahkamah lebih tinggi. Maka tugas kehakiman dengan ini terbuka pada penilaian awam dan menyampaikan bentuk kebertanggungjawapan yang konsisten dengan kebebasan kehakiman.

Pihak Kehakiman patuh pada prinsip-prinsip asas ini demi usaha untuk memberikan pentadbiran yang cekap, berkesan, adil dan dapat diakses. Sikap hormat masyarakat pada undang-undang serta kepercayaan dan keyakinan orang ramai pada Kehakiman berjalan seiringan apabila kedaulatan undang-undang ditegakkan.

IV. DALAM KENANGAN DAN PENGHARGAAN

27. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyampaikan penghormatan pada ahli kakitangan yang telah pergi meninggalkan kita pada tahun lepas. Kita telah meratapi pemergian dan mengingati sumbangan mereka pada Kehakiman. Kita menyatakan rasa dukacita dan belasungkawa pada keluarga mereka dan yang tersayang dan dalam memberi penghormatan pada kenangan dan sekalung penghargaan pada khidmat mereka yang penuh dedikasi.

28. Akhirnya, izinkan saya menyampaikan ucapan penghargaan pada Pemangku Ketua Pendaftar dan Jawatankuasa Penganjur Pembukaan Tahun Undang-Undang ke atas persiapan yang dibuat untuk hari ini. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih pada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan juga Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, Hospital RIPAS atas bantuan tidak ternilai dan sokongan berterusan. Saya juga berbesar hati pada Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei untuk Perbarisan Kawalan Kehormatan. Saya

TERJEMAHAN

ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran Tuan dan Puan pada hari ini dan salam sejahtera.